

28 JUN 2002
Bumiputera-Ubat
PERUTAMA JADI PAYUNG UNTUK TENDER BEKALAN UBAT

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputera Malaysia (Perutama) akan dijadikan payung untuk tender bagi kontrak membekal ubat dan alatan klinikal kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed berkata, ia adalah antara langkah-langkah untuk membina dan membangunkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pembekalan ubat dan alatan klinikal memandangkan penyertaan mereka dalam bidang itu sangat rendah.

Di Kementerian Kesihatan hampir RM1 bilion dibelanjakan untuk ubat-ubatan dan alatan klinikal, tetapi Bumiputera mendapat kurang daripada 10 peratus, kata beliau kepada wartawan selepas merasmikan Seminar Pengurusan Awam Mengenai Penggunaan Harta, Modal dan Inventori di sini, hari ini.

Seminar itu, yang berlangsung hari ini dan esok, dianjurkan oleh Kesatuan Penyelenggara Stor dengan kerjasama Perdana Menteri, yang sekarang mempunyai 50 anggota sejak penubuhan pada 7 Mac, 2001.

Terdapat lebih 3,000 pembekal ubat dan alatan klinikal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, tambah beliau, sambil menganggarkan yang betul-betul syarikat Bumiputera hanya dalam angka 100.

Ada Bumiputera yang sanggup menjadi "frontman" untuk bukan Bumiputera dan berpuashati dengan komisyen tiga peratus atau lebih rendah lagi, tambah beliau.

Suleiman berkata, antara sebab Bumiputera terpinggir dalam bidang pembekalan ubat dan alatan klinikal ialah kerana ia baru bagi mereka disebabkan tumpuan mereka sebelum ini adalah kepada bidang lain seperti pembinaan dan menjadi pemaju perumahan.

Bagi pembinaan hospital, misalnya, kita tidak ada masalah dengan pencapaian Bumiputera, kata beliau.

Bumiputera mungkin terkebelakang 30-40 tahun dalam bidang pembekalan ubat dan alatan klinikal dan keadaan itu menyebabkan ramai pengeluar ubat dan alatan perubatan luar negeri kurang yakin melantik syarikat Bumiputera sebagai ejen mereka untuk ubat-ubatan terbaik dan alatan klinikal terkini.

Suleiman jelas kecewa dan tidak puas hati dengan kegagalan orang Melayu merebut peluang yang ada bukan sahaja dalam bidang itu tetapi juga dalam bidang perniagaan lain.

Di Kuala Lumpur, yang dibanggakan sebagai tunjang kemajuan negara, tak sampai 10 peratus jumlah hartanah dimiliki orang Melayu dan nilainya tak sampai tiga peratus, kata beliau.

"Pencak silat Dr Mahathir selama 21 tahun selaku Perdana Menteri, maka tentulah beliau kecewa dengan pencapaian-pencapaian itu. Oleh itu layaklah teguran Dr Mahathir kepada bangsa kita. Kalau kita ingat apakah ini kemampuan Melayu, kita juga marah," kata Dr Suleiman.

Dr Mahathir melahirkan resah gelisah dan gusar perasan beliau kerana tidak ada perubahan di sikap atau segi pemikiran, roh dan kudrat Melayu, tambah beliau, sambil menyatakan dasar ekonomi negara adalah untuk memastikan "ada duit dalam poket orang Melayu".

--BERNAMA
MSL AFY PR